

## DALAM NEGERI



**KAMPUS TERCANGGIH:** Lakaran artis bagi kampus Institut Teknologi Singapura (SIT) yang akan dibangunkan di pekarangan Politeknik Temasek. – Foto SIT

## Reka bentuk baru Institut Teknologi Singapura

INSTITUT Teknologi Singapura (SIT) telah mendedahkan reka bentuk lima kampus barunya semalam.

Kampus-kampus itu bakal dibangunkan di pekarangan lima politeknik di Singapura dan dijangka siap pada 2014.

Menurut Presiden SIT, Profesor Tan Chin Tiong, model kampus-kampus itu membawa kelainan kepada kawasan kampus tradisional yang terdapat di kebanyakan institut pendidikan tinggi di sini.

Setiap kampus akan dipadankan dengan reka bentuk politeknik di tempat ia dibina, tetapi akan mempu-

nyai ciri-ciri tersendiri yang boleh didapati di semua kampus SIT.

Ini termasuk sebuah atrium yang dihiasi warna rasmi SIT iaitu hitam, putih dan merah; sebuah kawasan pusat yang menjuruskan kepada kegiatan pelajar seperti lantai dek yang ditinggikan dan kawasan laman yang lebar; serta sebuah kawasan yang diperbuat daripada kaca dan besi bagi membolehkan cahaya masuk ke dalam ruang itu.

Setiap bangunan SIT akan menyediakan pelbagai program ijazah yang ditawarkan rakan universiti SIT di luar negara.